GSMfsr

GALERI SENI MERBOK UITM KEDAH

Edisi "Versatility"



- **Batik Merbok Di Konvensyen Pembangunan Dan Kesejahteraan Rakyat**
  "Pembangunan Madani, Rakyat Disantuni"
  Penulis:
  Normaziana Hassan dan Juaini Jamaludin

- **KPSK UiTM Kedah ke Jepun**
  Penulis:
  Suhaiza Hanim Suroya, Dr Wan Noor Faaizah Wan Omar, Dr Hasnul Azwan Azizan & Abu Hanifa Ab. Hamid





- **Sirih Junjung Sebuah Keindahan Seni Kreatif Dalam Perkahwinan Melayu Moden**
  Penulis:
  Asrol Hasan

- **Program Aktiviti Kreatif:** *"Grooming Artistic Talents Through Sharing"*
  Penulis:
  Abu Hanifa Ab.Hamid, Fadila Mohd Yusof, Zaidi Yusoff dan Shuhaila Md Shahid



ISSN 2637-028X

kandungan

BULETIN GM | EDISI "VERSATILITY"



Laporan Galeri

02 BATIK MERBOK & BLACK N RED LIVE STUDIO TABLE TALK SHOW GRAND FINALE MUSIM 01 EP 05 | SENI BATIK WARISAN UTARA
Penulis:
Ts. Normaziana Hassan & Shuhaila Md Shahid

03 BATIK MERBOK BERSAMA KOMUNITI DI DAERAH BALING
Penulis:
Shuhaila Md Shahid & Ts. Normaziana Hassan

04 PROGRAM SEMARAK SISWA MADANI:
BENGKEL BATIK MERBOK "APA ITU BATIK"
Penulis:
Ts. Normaziana Hassan & Shuhaila Md Shahid

05 BATIK MERBOK DI KONVENSYEN PEMBANGUNAN DAN KESEJAHTERAAN RAKYAT
"Pembangunan Madani, Rakyat Disantuni"
Penulis:
Ts. Normaziana Hassan & Juaini Jamaludin

07 BATIK BLOK KEUNIKAN DAN KEBANGGAAN BATIK MERBOK
Penulis:
Shuhaila Md Shahid

08 BATIK MERBOK MERIAHKAN ARTS YOUNG "PRENEUR FIESTA 2022"
Penulis:
Pn. Normaziana Hassan & Shuhaila Md Shahid



Versatility

10 CEO TALK: SESI SATU
Penulis:
Izza Syahida Binti Abdul Karim & Abu Hanifa Bin Ab. Hamid

12 CEO TALK: SESI DUA
Penulis:
Izza Syahida Binti Abdul Karim & Abu Hanifa Bin Ab. Hamid

14 BRIDGING THE GAP: EQUIPPING GRAPHIC ARTS STUDENTS FOR SUCCESS THROUGH INDUSTRY-RELEVANT DIGITAL PLATFORMS
Penulis:
Dr. Shafilla Subri

16 CETUSAN VISUAL:
POTENSI TEKS KE IMEJ DALAM SENI REKA PERINDUSTRIAN
Penulis:
Mohd Hamidi Adha Mohd Amin

18 VERSATILITI DI KALANGAN OKU
Penulis:
Mohd Syazrul Hafizi Husin & Anita Abu Hassan

19 UNLEASHING CREATIVITY AND EMPOWERING GROWTH:
THE POSITIVE IMPACT OF HYBRID LEARNING ON GRAPHIC AND DIGITAL MEDIA STUDENTS
Penulis:
Dr. Shafilla Subri

21 PENILAIAN AKHIR SUBJEK TIPOGRAFI SEMESTER 02 (MAC – OGOS 2023)
Penulis:
Dr. Faryna Mohd Khalis

22 REKA BENTUK PERABOT BERINSPIRASIKAN ALAM SEMULAJADI:
PENGGUNAAN PERISIAN 3D DALAM SENI REKA PERINDUSTRIAN
Penulis:
Ahmad Fazlan Ahmad Zamri

23 CEZANNE@KPSK
Penulis:
Mohd Zamri Azizan

24 THE BEAUTY OF ISLAMIC ART
Penulis:
Mohamat Najib Mat Noor

26 3D PRESENTATION
Penulis:
Muhamad Aiman Afiq Mohd Noor

27 SIRIH JUNJUNG SEBUAH KEINDAHAN SENI KREATIF DALAM PERKAHWINAN MELAYU MODEN
Penulis:
Asrol Hasan

29 KPSK UiTM KEDAH KE JEPUN
Penulis:
Suhaiza Hanim Suroya, Dr. Wan Noor Faaizah Wan Omar, Dr. Hasnul Azwan Azizan & Abu Hanifa Ab Hamid

31 ADAPTASI SENI KRAF DALAM REKA BENTUK PERABOT MODEN
Penulis:
Asrol Hasan

33 SIMULASI TEMUDUGA PELAJAR IJAZAH SARJANA MUDA SENI REKA PERINDUSTRIAN: PEMANTAPAN KAEDAH DAN CARA MENJAWAB SOALAN TEMU DUGA
Penulis:
Fadila Mohd Yusof & Abu Hanifa Bin Ab. Hamid

34 PROGRAM AKTIVITI KREATIF:
"GROOMING ARTISTIC TALENTS THROUGH SHARING"
Penulis:
Abu Hanifa Ab.Hamid, Fadila Mohd Yusof, Zaidi Yusoff & Shuhaila Md Shahid



Galeri Seni Merbok

"Versatility"

Alhamdulillah Buletin Galeri Seni Merbok kembali dengan Edisi "Versatility" bagi bulan Januari hingga Oktober 2023. Pembelajaran secara bersemuka telah dijalankan semula. Sesi hybrid juga telah dikelolakan oleh Universiti Teknologi MARA bagi memenuhi keperluan university seiring dengan keperluan semasa. Oleh yang demikian, Galeri Seni Merbok, Kolej Pengajian Seni Kreatif UiTM Cawangan Kedah telah menerima banyak jemputan bagi mempergiatkan lagi pendedahan program-pragram di dalam Kolej Pengajian Seni Kreatif di UiTM Kedah serta Batik Merbok.

Sehubungan dengan itu, Kolej Pangajian Seni Kreatif, UiTM Cawangan Kedah turut serta dalam program-program terutama berbentuk ilmiah, penglibatan akademik yang mendapat anugerah di dalam pertandingan bertaraf antarabangsa dan terus maju dalam mencari ruang bagi memperkasakan Kolej Pangajian Seni Kreatif.

Diharap agar Kolej ini beroleh kejayaan yang berterusan di masa-masa akan datang dan semoga bahan penerbitan ini mampu dimanfaatkan oleh seluruh warga kampus UiTM Cawangan Kedah.

SIDANG REDAKSI

Penasihat
Prof. Dr. Roshima Haji Said

Penasihat I
Dr. Nurul 'Ayn Ahmad Sayuti

Ketua Editor
Izza Syahida Abdul Karim

Editor
Juaini Jamaludin

Reka Letak Grafik
Syahrini Shawalludin


Laman Sesawang
Khairul Wanis Ahmad

Penerbit
Galeri Seni Merbok

Cetakan
Perpustakaan Sultan Badlishah

Penulis
Izza Syahida Abdul Karim
Normaziana Hassan
Shuhaila Md. Shahid
Dr. Shafilla Subri
Abu Hanifa Ab. Hamid
Mohd Hamidi Adha Mohd Amin
Mohd Syazrul Hafizi Husin
Anita Abu Hassan
Dr. Faryna Mohd Khalis
Ahmad Fazlan Ahmad Zamri
Mohd Zamri Azizan
Mohamat Najib Mat Noor
Muhamad Aiman Afiq Mohd Noor
Asrol Hasan
Suhaiza Hanim Suroya
Dr. Wan Faaizah Wan Omar
Dr. Hasnul Azwan Azizan
Fadila Mohd Yusof
Zaidi Yusoff

Versatility




VERSATILITI DI KALANGAN OKU

Penulis:
Mohd Syazrul Hafizi Husin & Anita Abu Hassan

Versatility atau versatile merupakan satu perkataan yang membawa maksud serba boleh atau lebih tepat sekali membawa maksud keboleh upayaan yang terdapat di dalam diri seseorang. Setiap manusia secara fitrahnya dilahirkan serba boleh. Allah menjadikan setiap kelahiran itu dengan penuh keajaiban untuk kita mengagumi akan kebesaran Ilahi. Sains telah membuktikan manusia merupakan subjek hidup yang sangat kompleks. Seawal dari alam rahim melalui teknologi ultrasound kita akan mendapati setiap bayi telah pun mempunyai kemahiran serba boleh yang tidak memerlukan asuhan atau didikan dari sesiapa seperti pergerakan berkoordinasi, menggenggam dan membuka genggaman tangan, menendang dan membuat riak wajah mukanya. Ini membuktikan bahawa setiap manusia adalah versatile samada seseorang itu cukup sifat fizikalnya atau dilahirkan sebagai orang kurang upaya (OKU). Memetik laporan dari Astro Awani bertarikh 3 Desember 2021, lima atlet negara iaitu Bonnie Bunyau (powerlifting), Cheah Like Hou (badminton), Abdul Latif Romly (lompat jauh), Jong Yee Khie (powerlifting) dan Chew Wei Lun (boccia) pernah menerima anugerah khas sempena Hari OKU sedunia kerana berjaya meraih pingat dalam Sukan Paralimpik Tokyo pada tahun 2020. Terbaharu memetik laporan akhbar Kosmo bertarikh 21 Julai 2023, seorang penolong akauntan OKU iaitu Encik Khairuddin Saad, 40, telah menerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) dari Politeknik dan Kolej Komuniti (PolyCC) zon Pulau Pinang dan ini membuktikan golongan kurang upaya juga mampu meraih kejayaan. Kekurangan pada diri bukanlah penghalang untuk menjadi insan yang versatile, sebaliknya menjadi pemangkin dalam meningkatkan kemahiran dalam diri.

Di dalam bidang seni lukis, pancaindera terpenting yang merupakan nadi seseorang pelukis selain dari anggota tangan ialah mempunyai penglihatan mata yang baik. Namun kecacatan seseorang pelukis bukanlah batu penghalang dari seseorang itu untuk terus berkarya. Ini telah dibuktikan oleh seoarang pemegang kad OKU, Noor Baiti Razali yang mempunyai kecacatan kekal pada matanya dan masih menghasilkan karya-karya lukisan yang menarik. Menurut sumber artikel dari Bernama bertarikh 28 Nov 2016, Noor Baiti Razali hanya menyedari tentang bakat melukis yang ada padanya setelah suaminya diserang angin ahmar. Untuk membiayai kos perubatan tersebut, beliau mula melukis gambar kucingnya sendiri dan akhirnya ramai pencinta kucing mulai menempah karya lukisan dari beliau untuk melukis gambar kucing-kucing mereka. Selain dari Noor Baiti Razali, terdapat ramai lagi pelukis OKU yang serba boleh dari dalam dan luar negara yang telah membuktikan kejayaan mereka dalam arena ini. Salah seoang pelukis OKU antarabangsa yang buta penglihatannya ialah John Bramblitt yang menjadi pelukis setahun selepas kedua-dua matanya sudah tidak lagi berfungsi. Berikut merupakan karya beliau berjudul Brightside yang sangat mengagumkan dari sumber Liputan 6 Online.





Menjadi seorang yang versatile bukanlah sesuatu yang mudah kerana ianya merupakan anugerah bakat dari Sang Pencipta. Namun begitu, Allah tidak menjadikan kekurangan pada hamba-Nya dengan sesuatu yang sia-sia. Bak kata pepatah Melayu, 'menggenggam bara api biar sampai menjadi arang'. Oleh itu, kita sebagai hamba-Nya seharusnya menjadikan kekurangan pada diri sebagai satu bentuk cabaran untuk mengatur langkah ke depan bagi merealisasikan segunung impian.

Rujukan:
1. Kosmo Online https://www.kosmo.com.my/2023/07/21/penolong-akauntan-oku-terima-anugerah-cemerlang-polycc/
2. Bernama Onlinehttp://youth.bernama.com/v2/news.php?id=960723&c=6
3. Astro Awani Online https://www.astroawani.com/berita-sukan/tiga-lagi-atlet-para-layak-ke-olimpik-tokyo-302335
4. Liputan 6
https://www.liputan6.com/lifestyle/read/2484099/ini-10-lukisan-dari-seniman-buta-yang-hanya-andalkan-indra-peraba#google_vignette







GSMfSr

GALERI SENI MERBOK UITM KEDAH

ISSN 2637-028X



